



UNIT PENGAMBILAN PELAJAR
Bahagian Kemahiran & Teknikal
Tingkat 21, Ibu Pejabat MARA
21, Jalan MARA
50609 Kuala Lumpur.



Tel : 03-26134290 / 34289 / 34288
No.Fax : 03-26914510

XAVIER CRUZ USAT MALKHUS
LEBU KULIT, SUNGAI ASAP,

Tarikh : 08 Jan 2026

96950 BELAGA
SARAWAK

070125130225

TAWARAN MENGIKUTI TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING (TVET) MARA SESI JANUARI 2026

Tahniah! MARA dengan ini menawarkan anda mengikuti program TVET seperti berikut :

- a) Program : DIPLOMA KOMPETENSI ELEKTRIK (DOMESTIK & INDUSTRI)(PW4)
b) Tempoh : 36 BULAN
c) Tempat/Pusat : INSTITUT KEMAHIRAN MARA KUCHING
JALAN SULTAN TENGAH,
P/SURAT 3271, 93764 KUCHING, SARAWAK
No Tel : 082441149 No Fax: 082444135

d) Tarikh Lapor Diri : 22/12/2025 Masa : 8.30 pagi

2. Tawaran ini adalah tertakluk kepada kesahihan maklumat yang anda berikan dalam borang permohonan. Tawaran ini akan terbatal dengan sendirinya (ditarik balik atau diberhentikan pengajian) sekiranya anda didapati memberi maklumat palsu/tidak benar dan/atau tidak memenuhi syarat-syarat lain yang telah ditetapkan oleh MARA.

3. Sekiranya bersetuju menerima tawaran ini, Bayaran Setuju Terima perlu dibuat mengikut program dengan kadar seperti yang ditetapkan(Rujuk Syarat-syarat Tambahan) bagi mendapatkan No.Resit Bayaran melalui kaedah berikut:-

- a) Kaunter Bayaran di mana-mana Pejabat MARA Negeri/Daerah atau;
b) Perkhidmatan bayaran elektronik MARAeps :- <https://bayar.maraeps.my> atau Mobile Application MARAeps

4. Sila masukkan Nombor Resit bayaran/Rujukan yang diperolehi dari (<https://bayar.maraeps.my>) atau Mobile Application MARAeps ke dalam skrin semakan bagi membuat Pengesahan Penerimaan sebelum atau pada 07/01/2026. Pengesahan Penerimaan hendaklah dibuat sebelum tarikh yang ditetapkan atau jika tidak berbuat demikian, tawaran ini terbatal dengan sendirinya. Dengan Pengesahan Penerimaan ini, Bayaran Setuju Terima dan Bayaran-bayaran lain tidak akan dikembalikan.

5. Anda dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen yang disenaraikan semasa hari pendaftaran di institusi/kolej sepertimana dinyatakan di dalam syarat-syarat tambahan.

6. Anda diwajibkan mengikuti semua aktiviti yang dilaksanakan semasa Program Minggu Silaturahmi (MSR). Tawaran pengajian ini akan ditarik balik sekiranya anda dikenakan tindakan tatatertib semasa dalam tempoh tersebut.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"LUAR BANDAR SEJAHTERA"

ZALINA BINTI SLAMAT
TIMBALAN PENGARAH II (URUSAN PELAJAR)
Bahagian Kemahiran Dan Teknikal
b/p: Ketua Pengarah MARA

Keusahawanan
& Pendidikan Global



SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

1. Seorang **Warganegara Malaysia** dan berstatus **Bumiputera Semenanjung, Sabah dan Sarawak**.
2. **Memenuhi syarat kelayakan akademik** yang ditetapkan bagi program yang dimohon.

Bagi pelajar **tidak mendapat kepujian dalam subjek Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia**, anda digalakkan untuk menduduki semula Kertas Julai/SPM bagi memudahkan anda untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma/Ijazah.

3. Anda mestilah **sihat tubuh badan, tidak cacat anggota, tidak mempunyai penyakit berbahaya atau penyakit berjangkit dan rabun warna (bagi program tertentu)**.

Tawaran ini **terbatal** dengan sendirinya jika anda **gagal memenuhi syarat 1 hingga 3 diatas**.

4. Pihak MARA juga berhak menolak pendaftaran anda atau menamatkan latihan anda pada bila-bila masa jika anda tidak memenuhi sebarang syarat yang ditetapkan atau sekiranya tidak mematuhi sebarang arahan dan peraturan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
5. Bayaran dan pengesahan pendaftaran hendaklah dibuat mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Pengesahan penerimaan yang lewat diterima oleh MARA akan dianggap sebagai menolak tawaran.

6. **Bayaran penerimaan Setuju Terima Tawaran.**

- a) **Boleh dibuat di Pejabat MARA Negeri/Daerah berhampiran atau secara perbankan elektronik.**
Sila rujuk (<https://bayar.maraeps.my>).
- b) **Bayaran Setuju Terima mengikut program adalah seperti di bawah :**

i. Program DIPLOMA	RM 350.00
ii. Program SIJIL	RM 340.00
iii. Diploma Kompetensi Elektrik A4	RM 200.00
- c) Sila masukkan nombor resit bayaran/rujukan di skrin semakan
<https://apponline.mara.gov.my/semakanspupim> untuk membuat Pengesahan Penerimaan tawaran.

7. **Bayaran Setuju Terima tidak akan dikembalikan** sekiranya anda telah memenuhi dan bersetuju dengan syarat-syarat tambahan di atas.

8. Semasa pendaftaran/lapor diri di kolej/institusi, sila pastikan bawa bersama:

- a) Resit Asal Bayaran Setuju Terima
- b) Salinan Resit Bayaran Setuju Terima
- c) Surat Tawaran
- d) Kad Pengenalan
- e) Sijil Lahir Pelajar dan Ibu Bapa
- f) Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM)
- g) Sijil Akademik lain yang berkaitan (telah disahkan)
- h) Dokumen Perjanjian yang telah dimatikan setem (3 salinan)
- i) Lampiran-lampiran di dalam Buku Pendaftaran yang telah lengkap diisi (1 salinan)

9. MARA tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang masalah kehilangan surat tawaran.

10. Tawaran program dan penempatan anda di KKT/MJII/IKM adalah **muktamad**. (Sebarang rayuan pertukaran program/tempat tidak akan dipertimbangkan).

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Unit Pengambilan Pelajar

Bahagian Kemahiran & Teknikal MARA

Tingkat 21, Ibu Pejabat MARA

21, Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur

Tel: **03-2613 2000** Sambungan : **03-26134290 / 34289 / 34288**

